
Kerajaan Kelantan yakin hasrat pinda enakmen diperkenankan sultan

UM 2.0 JUN 2001

KOTA BHARU 19 Jun — Kerajaan negeri pimpinan Pas yakin hasrat untuk meminda Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) 25 Jun depan akan mendapat perkenan Sultan Kelantan.

Keyakinan itu dibuat berdasarkan rekod lama, Sultan Kelantan belum pernah tidak memperkenankan sebarang rang undang-undang yang diluluskan oleh sidang DUN seperti usul belanjawan.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Annual Bakhri Haron berkata, dakwaan kononnya kerajaan negeri menekan pihak istana untuk meminda perlembagaan itu adalah tidak benar.

“Kerajaan negeri cukup optimis, berprasangka baik, menyanjungi baginda dan segala perancangan berjalan lancar sebab itu kita yakin usaha ini akan diperkenankan,” katanya di sini hari ini.

Beliau turut berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr. Rais bawaha usaha kerajaan negeri untuk meminda Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan hanya akan menjadi sia-sia sekiranya tidak diperkenankan oleh sultan.

Tegasnya lagi, soal sultan tidak akan menandatangani pindaan itu masih berupa andaian dan pihak kerajaan negeri amat kesal dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perda-

na Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berhubung perkara berkenaan.

Tambahan pula katanya, pindaan itu bukan dibuat untuk mengurangkan kuasa sultan sebaliknya untuk diselaraskan dengan pindaan yang telah dibuat di peringkat Persekutuan pada tahun 1993 dan 1994.

Tambahan pula katanya, Dr. Rais terlupa bahawa Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah merestui usaha pindaan itu sejak tahun 1993 dan 1994 lagi.

Bagaimanapun katanya, pihak kerajaan negeri amat menghargai jasa Dr. Rais untuk menasihati mereka dalam hal maksud pemakaian Perlembagaan 75 Perlembagaan Persekutuan.